

## ORIGINAL ARTICLE



**MJSSH**  
Muallim Journal of  
Social Science and Humanities

## SOKONGAN PENTADBIR DAN FAKTOR KEMUDAHAN MEMPENGARUHI PENGGUNAAN ICT DALAM PENGURUSAN PdPc.

## ADMINISTRATIVE SUPPORT AND FACILITY FACTORS AFFECTING THE USE OF ICT IN TEACHING AND LEARNING MANAGEMENT.

**Kalaivany Balakrishnan**

Department of Education Management, Binary University of Management & Entrepreneurship,  
Malaysia. Email: [kalai.vany81@gmail.com](mailto:kalai.vany81@gmail.com)

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/229>

### Abstract

This study aims to examine the support of administrators and convenience factors in influencing the use of ICT in teaching and learning management. The design of this study is a qualitative method on six teachers randomly selected from six schools in Alor Gajah District. Qualitative data were collected through interviews on simple randomly selected respondents. These qualitative data were analysed thematically. The results of the study found that administrator support, and facilities influence the level of ICT use in teaching and learning management. Improvements need to be made on the existing facilities so that teachers can use them optimally. Administrator support is essential so that teachers can implicate ICT in their teaching and learning management. These findings contribute to the increased use of ICT in the management of teaching and learning by teachers successfully.

**Keywords:** Administrative support, convenience factors, use of ICT, teaching and learning management

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sokongan pentadbir dan faktor kemudahan dalam mempengaruhi penggunaan ICT di dalam pengurusan PdPc. Reka bentuk kajian ini adalah kaedah kualitatif ke atas enam orang guru yang dipilih secara rawak dari enam buah sekolah di Daerah Alor Gajah. Data kualitatif dikumpul melalui temu bual ke atas responden yang dipilih secara rawak mudah. Data kualitatif ini dianalisis secara tematik. Hasil kajian mendapati sokongan pentadbir dan kemudahan mempengaruhi tahap penggunaan ICT dalam pengurusan PdPc. Penambahbaikan perlu dilakukan ke atas kemudahan yang sedia ada supaya guru-guru dapat menggunakannya secara optimum. Sokongan pentadbir penting supaya guru-guru dapat mengimplikasikan ICT dalam pengurusan PdPc mereka. Dapatan ini menyumbang kepada peningkatan penggunaan ICT dalam pengurusan PdPc oleh guru dengan jayanya.

**Kata Kunci:** Sokongan pentadbir, Faktor kemudahan, Penggunaan ICT, Pengurusan PdPc



Received 13<sup>th</sup> September 2022, revised 30<sup>th</sup> September 2022, accepted 16<sup>th</sup> October 2022

## Pengenalan

Abad ke-21 telah dicirikan sebagai abad teknologi maklumat dan komunikasi atau Information Communication Technology (ICT). Penggerak utama kemajuan dan pembaharuan ialah ilmu pengetahuan dan penyebaran menerusi ICT. Perkembangan dan pertumbuhan pesat ICT, telah mengubah kehidupan manusia sehingga kini. Masyarakat Malaysia hari ini merupakan masyarakat yang hidup dalam era globalisasi yang berorientasikan sains dan ICT. Masyarakat sangat bergantung terhadap penggunaan sains dan ICT dalam kehidupan harian mereka. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga akur dengan perkembangan ini dan telah memperluaskan penggunaan ICT di sekolah dan institusi pengajian tinggi. Pelbagai usaha telah diambil oleh KPM untuk merealisasikan kenyataan ini. Senario hari ini juga menunjukkan banyak negara berlumba-lumba untuk memperkasakan penggunaan ICT dalam pendidikan terutamanya dari segi infrastruktur dan sistem sokongan (Hinostroza 2018)<sup>1</sup>.

Namun begitu, menurut Ibieta, Hinostroza, Labbé, & Claro (2017)<sup>2</sup> menyatakan bahawa dalam konteks ICT dalam pendidikan ini banyak negara yang sedang membangun termasuk Malaysia juga masih jauh ketinggalan. Keadaan ini telah dijelaskan oleh statistik yang dikeluarkan melalui kajian (Cheok & Ahmad Fauzi Ayub, 2017)<sup>3</sup>. Antara faktor yang menjadi halangan dalam penggunaan ICT dalam pengurusan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) adalah seperti kekurangan kemudahan, sokongan pentadbir dan kesediaan guru (Joseph Bada & Kalegele Khamisi 2016)<sup>4</sup>.

Oleh yang demikian, objektif yang perlu dicapai dalam kajian ini adalah adakah faktor kemudahan dan sokongan pentadbir mempengaruhi penggunaan ICT dalam pengurusan PdPc.

## Skop Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menerangkan sejauhmana faktor sokongan pentadbir dan faktor kemudahan mempengaruhi penggunaan ICT dalam pengurusan PdPc di Sekolah Kebangsaan Daerah Alor Gajah. Skop kajian yang dihadkan oleh pengkaji adalah hasil kajian ini hanya melambangkan faktor yang mempengaruhi penggunaan ICT dalam pengurusan PdPc di Daerah Alor Gajah, Melaka sahaja. Hasil kajian ini tidak boleh disamakan untuk daerah-daerah yang lain. Ini adalah kerana pengkaji hanya menjalankan kajian di Daerah Alor Gajah sahaja. Hal ini demikian kerana kekangan masa yang dihadapi oleh pengkaji. Sehubungan dengan itu pengkaji tidak dapat melakukan kajian di kawasan lain.


**Metadologi Kajian**

Kajian ini adalah berbentuk kajian kualitatif. 6 orang guru dari Sekolah Kebangsaan dari Daerah Alor Gajah digunakan sebagai responden. Kaedah kualitatif digunakan untuk mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan ICT dalam pengurusan PdPc para guru. Sehubungan itu pengkaji menggunakan instrumen temu bual bagi tujuan pengumpulan data.

Data yang diperoleh secara temu bual dianalisis secara tematik. Analisis tematik dalam kajian ini bermaksud pengkaji telah menyusun data-data yang diperoleh melalui temu bual dan menganalisisnya berdasarkan pembahagian tema bagi menjawab objektif kajian. Analisis tematik ini dimulakan dengan tahap permulaan menganalisis data. Seterusnya, proses pembinaan kod dilakukan dan diakhiri dengan pemaparan data dalam bentuk rajah dan huraian perkataan.

**Dapatan Kajian**

Rajah 1 menunjukkan penghasilan tema secara keseluruhan bagi objektif kajian. Pengkaji telah menemukan dua sub tema melalui pengekodan berdasarkan soalan kajian untuk objektif kajian yang dikaji. Sub tema yang terhasil adalah kemudahan yang efektif dan kerjasama dari pihak pentadbir. Tema utama yang terhasil adalah anjakan paradigma penggunaan ICT dalam PdPc. Seterusnya pengkaji menjelaskan hasil dapatan secara terperinci mengikut tema yang dihasilkan.



Rajah 1: Pembinaan analisis tematik dapatan kajian

## **Kemudahan Yang Efektif**

Ketidacukupan peralatan ICT menjadi salah satu faktor dalam halangan PdPc dengan ICT tidak berlaku secara berleluasa. Bilangan komputer yang dibekalkan ke sekolah perlu mencukupi untuk memaksimumkan penggunaan ICT dalam pengurusan PdPc. Sekiranya bilangan murid lebih banyak dan bilangan komputer di sekolah terhad, hanya segelintir murid sahaja yang dapat menggunakannya dan penglibatan murid secara maksimum tidak dapat dijalankan. Keadaan ini menyebabkan penggunaan ICT dalam PdPc hanya dapat digunakan untuk beberapa mata pelajaran sahaja dan dalam masa-masa tertentu sahaja. Mutu komputer yang dibekalkan ke sekolah kurang berkualiti dan ketinggalan zaman. Ini menyebabkan para guru untuk tidak mengintegrasikan ICT dalam pengurusan PdPc mereka. Bukan ini sahaja, makmal komputer yang tidak terurus dengan baik disebabkan oleh masalah penyelenggaraan juga menyebabkan guru-guru tidak dapat menggunakan ICT dalam pengurusan PdPc mereka. Ketiadaan alatan seperti projektor atau SMART TV juga menyukarkan guru untuk memaparkan bahan media dalam PdPc dengan menggunakan ICT. Selain ini, jaringan internet yang terlalu terhad atau tidak stabil juga merupakan faktor yang mempengaruhi penggunaan ICT. Jaringan internet merupakan cabaran utama kepada guru-guru untuk mengintegrasikan ICT dalam PdPc mereka. Jaringan internet merupakan komponen utama dalam keperluan ICT kerana keperluan menggunakan media daripada sumber internet dan web. Hal ini penting untuk aktiviti kolaboratif secara digital semasa PdPc dijalankan. Guru-guru perlu mengambil masa yang lama untuk menyediakan bahan PdPc berasaskan ICT apabila jaringan internet tidak stabil. Akhirnya, guru-guru tidak menggunakan ICT dalam PdPc mereka.

Apabila kemudahan yang ada di sekolah adalah mencukupi maka guru-guru lebih cenderung untuk mengaplikasikan ICT dalam PdPc mereka. Bilangan komputer yang mencukupi tidak mengganggu PdPc mereka, malahan murid-murid dapat terlibat secara maksimum dalam PdPc yang menggunakan ICT. Apabila jaringan internet stabil guru-guru tidak perlu membazir masa yang lama untuk menyediakan bahan pengajaran. Kestabilan jaringan internet membantu mereka untuk mengintegrasikan ICT dalam PdPc mereka. Seterusnya, dengan adanya kemudahan-kemudahan yang canggih, guru-guru dapat akses maklumat-maklumat yang berkaitan untuk pengajaran dengan baik dan dapat menyampaikan kepada murid secara efektif dan berkesan. Melalui teknik pengajaran ICT, proses PdPc menjadi lebih menarik dan berkesan. Contohnya, dengan penggunaan alat seperti powerpoint, flash, video, visual dan mereka hanya perlu mengaplikasikan alatan tersebut ke dalam PdPc. Melalui kaedah ini proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan ringkas, lebih mudah dan padat kerana murid dapat didedahkan dengan gambaran dan persembahan menarik serta mudah untuk difahami. Dengan ini, murid tidak akan mudah berasa bosan dan jemu semasa menjalani proses pengajaran dan pembelajaran kerana tertarik dengan gaya persembahan yang ditunjukkan melalui ICT. Kemudahan yang lengkap dapat mempelbagaikan dan mempertingkatkan kualiti PdPc yang berasaskan ICT dengan efektif dan dapat melahirkan generasi celik ICT.

## **Kerjasama Dari Pihak Pentadbir**

Pihak pentadbir sekolah yang terdiri daripada guru besar dan para penolong pentadbir sekolah memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada guru dalam pengintegrasian ICT. Sokongan dan galakkan dari pihak pentadbir mendorong para guru untuk menggunakan ICT dalam pengurusan PdPc.

Pihak pentadbir sentiasa memastikan infrastruktur yang diperlukan untuk PdPc berbantuan ICT mencukupi. Mereka juga memberi sokongan yang padu dengan menyediakan platform yang kondusif supaya pengintegrasian ICT dalam PdPc berlaku dengan sepenuhnya. Sokongan juga diberikan dengan memfokuskan kepada kelengkapan kemudahan untuk mengendalikan PdPc dengan penggunaan ICT. Infrastruktur ini terdiri daripada komputer, projektor, notebook, digital kamera dan kemudahan peralatan multimedia yang lain. Di samping itu guru besar juga memberikan kerjasama dengan memastikan para guru menghadiri kursus-kursus ICT jangka pendek supaya guru-guru dapat menguasai ilmu ICT serta dapat meningkatkan penggunaan ICT dalam PdPc. Program perkembangan staf juga dijalankan oleh pihak pentadbir supaya memberi kesedaran kepada guru tentang kepentingan PdPc yang berorientasikan ICT.

Pihak pentadbir juga berpengetahuan dalam pengendalian pengintegrasian ICT. Ini membantu guru kerana para pentadbir menolong mereka apabila berlaku kemusykilan semasa pengintegrasian ini berlaku. Pengetahuan yang ada pada pihak pentadbir ini merupakan kelebihan kepada guru sebagai galakkan bagi diri mereka untuk menggunakan ICT dalam PdPc mereka. Bukan ini sahaja, pihak pentadbir juga memberi insentif kepada guru-guru yang menggunakan ICT dalam PdPc mereka untuk mengoptimumkan penggunaan ini. Dengan ini guru-guru mempunyai galakkan untuk terus menggunakan ICT dalam PdPc dan memberikan pengajaran yang berkesan serta berfokus.

## **Perbincangan**

### **Faktor kemudahan**

Menurut analisis temu bual yang dibuat, empat responden dari enam responden menyatakan bahawa kemudahan ICT di sekolah adalah pada tahap yang dibanggakan. Kemudahan ICT yang cukup ini tidak menyukarkan mereka untuk mengintegrasikan ICT dalam PdPc mereka. Mereka lebih yakin dan selesa untuk menggunakannya. Jalur lebar yang stabil menyenangkan persiapan mereka untuk pengajaran berbantuan ICT. Guru-guru juga tidak perlu membazir masa dalam penyediaan PdPc berbantuan ICT kerana jalur lebar yang stabil. Dengan ini mereka dapat menjalankan PdPc yang efektif dan berinovatif.

Namun begitu, ada dua responden melalui temu bual menyatakan bahawa kemudahan yang ada di sekolah tidak memuaskan. Bilangan komputer yang tidak mencukupi, bilangan LCD yang terhad, jalur lebar yang tidak menentu merupakan masalah utama mereka. Apabila bilangan kelas dan murid terlalu banyak berbanding dengan bilangan komputer yang ada di sekolah guru-guru tidak dapat menggunakannya secara optimum dalam PdPc mereka. Hanya beberapa kelas sahaja yang dapat menggunakannya pada sesuatu masa. Jika ada guru yang ingin gunakan ICT dalam kelas masing-masing, tetapi kekurangan LCD pula menghalang keinginan mereka untuk menggunakannya.

Dapatan ini selari dengan dapatan kajian yang dibuat oleh Norijah Mohamed et al. (2014)<sup>5</sup>, di mana kajian mereka menunjukkan kekurangan kemudahan menyebabkan guru-guru tidak dapat mengintegrasikan ICT dalam PdPc mereka. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Darchinie Rani Ravendra, Md Yusoff Daud (2019)<sup>6</sup>, menunjukkan dapatan kajian sama seperti dapatan kajian ini di mana akses internet yang terhad juga menyebabkan para guru untuk tidak

menggunakan ICT dalam pengajaran kerana mereka berpendapat ianya memakan masa untuk menyediakan perancangan.

Oleh yang sedemikian dapat disimpulkan bahawa faktor kemudahan merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi penggunaan ICT dalam pengurusan PdPc. Apabila kemudahan yang ada mencukupi dan berfungsi dengan baik, maka penggunaan ICT dalam PdPc adalah tinggi dan sebaliknya.

### **Faktor Sokongan Pentadbir**

Dapatan hasil temu bual bagi faktor ini, semua responden menyatakan bahawa mereka perlu galakkan dan sokongan dari pentadbir supaya mereka dapat mengintegrasikan ICT dalam PdPc tanpa halangan. Hal ini penting kerana guru-guru perlukan sokongan pentadbir sekiranya mereka menghadapi sebarang masalah semasa atau sebelum mengendalikannya. Seharusnya sokongan yang kuat harus diberikan untuk menaikkan semangat guru.

Dapatan ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Mei Kin et al. (2018)<sup>7</sup>. Pemimpin merupakan faktor penentu kepada kecemerlangan sesebuah sekolah. Pada masa kini pemimpin perlu jadi pemimpin ICT untuk menjadi pemimpin yang berkesan. Pemimpin pada abad ke-21 mempunyai tugas yang penting dalam pengintegrasian ICT dalam PdPc. Kepimpinan yang berkesan dapat mempengaruhi diri guru untuk lebih bermotivasi untuk menjalankan sesuatu tugas yang diamanahkan kepada mereka. Apabila usaha mereka untuk melakukan pengajaran dengan menggunakan ICT disokong oleh pentadbir maka mereka lebih cenderung untuk menggunakannya.

Hasil dapatan kajian oleh Wong dan Khadijah (2017)<sup>8</sup>, juga menyokong hasil kajian ini. Menurut mereka pemimpin memainkan peranan yang penting sebagai pemimpin ICT yang merangkumi pelbagai dimensi yang terbeza. Kepimpinan teknologi oleh pemimpin sangat diperlukan untuk melakukan transformasi pendidikan berasaskan ICT. Kepimpinan dalam penggunaan ICT mempunyai keperluan yang sangat besar untuk memastikan ia dapat mendorong para guru untuk mengintegrasikan ICT dalam PdPc sekali gus dapat memberikan sumbangan yang berharga dan berkekalan kepada pendidikan.

Kepimpinan pentadbir menjadi anjakan paradigma dalam merealisasikan PPPM 2013-2025 dengan memfokuskan kualiti kepimpinan pentadbiran sekolah dan kualiti guru dalam mendepani era globalisasi (Nik Husaimie Che Omar, Aida Hanim A. Hamid dan Norasmah Othman 2021)<sup>9</sup>. Dengan ini, sokongan pentadbir juga merupakan salah satu faktor dalam mempengaruhi penggunaan ICT dalam pengurusan PdPc. Apabila sokongan pentadbir tinggi, maka penggunaannya tinggi dan sebaliknya.

### **Kesimpulan**

Era teknologi merupakan era pembangunan. Peranan teknologi diperluaskan untuk memartabatkan bidang pendidikan supaya dapat membantu dalam merangsang pembentukan modal insan berkualiti dan berkemahiran. Pelbagai kajian tentang pengaplikasian ICT dalam bidang pendidikan dilaksanakan pada peringkat antarabangsa oleh pengkaji-pengkaji ilmiah. Penggunaan ICT dalam

PdPc dapat membantu untuk memberi pengalaman pengajaran yang berguna kepada pelajar. Kepentingan bidang ICT akan mempengaruhi perkembangan pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Faridah Juraime & Mohd Izham, 2017)<sup>10</sup>. Keberkesanan pelaksanaan ICT di sekolah adalah bergantung kepada kemudahan ICT dan sokongan pentadbir.

Pengintegrasian ICT dalam pendidikan merupakan satu keutamaan dalam dunia pendidikan sekarang. Menurut Hun et al. (2020)<sup>11</sup>, beliau menyatakan bahawa semua negara yang sedang membangun memberi keutamaan kepada ICT dalam pendidikan kerana penggunaan ICT yang berkesan dalam pendidikan dapat meningkatkan tahap dan kualiti pendidikan.

ICT adalah aspek utama dalam merealisasikan motif KPM dalam usaha ke arah pelajar yang mempunyai kemahiran komputer. Kemajuan teknologi ini dapat memberi sumbangan berkesan kepada masyarakat supaya masyarakat kini dapat memberi khidmat kepada bangsa dan negara. Selain itu dapat membentuk masyarakat berilmu dan berpengetahuan dalam ICT.

## References

1. Hinostroza, J. E. (2018). New Challenges for ICT in Education Policies in Developing Countries: The Need to Account for the Widespread Use of ICT for Teaching and Learning Outside the School'. *ICT-Supported Innovations in Small Countries and Developing Regions*, 99–119. [https://doi.org/10.1007/978-3-319-67657-9\\_5](https://doi.org/10.1007/978-3-319-67657-9_5)
2. Ibieta et al. (2017). The Role of the Internet in Teachers' Professional Practice: Activities and Factors Associated with Teacher Use of ICT Inside and Outside the Classroom'. *March 2017 Technology Pedagogy and Education* 26(4):1-1. *Introduction to Theory and Research*. Reading, MA: Addison-Wesley, 7(2), 43
3. Cheok, et al. (2017). Teachers' Perceptions of e-learning in Malaysian Secondary Schools'. *Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 5 (2). 20 - 33. ISSN 2289-2990
4. Joseph, B. et al. (2016). Classroom ICT Integration in Tanzania: Opportunities and Challenges From the Perspectives of TPACK and SAMR Models'. *Journal of Education and e-Learning Research*, 2017, 4(1): 8-14.
5. Norijah Mohamed et al. (2014). Tahap kesediaan Pengintegrasian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam Pengajaran Terhadap Murid-Murid PraSekolah: Satu Tinjauan
6. Darchinie, R. R., et al. (2019). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Guru Matematik Sekolah Rendah Dalam Mengintegrasikan Penggunaan Teknologi Dalam PdPC'. *Jurnal Dunia Pendidikan* e-ISSN:2682-826 X | Vol. 1, No. 3, 24-33, 2019 <http://myjms.moe.gov.my/index.php/jdpd><http://myjms.moe.gov.my/index.php/jdpd>
7. Mei Kin et al. (2018). Technology leadership and its relationship with school-Malaysia Standard of Education Quality (School-MSEQ)'. *International Education Studies*, 7(13), 278-285.
8. Wong dan Khadijah. (2017). Technology Leadership in Malaysia's High-Performance School.
9. Nik, H.C. et al. (2021). Korelasi Antara Amalan Kepimpinan Distributi Pengetua Dengan Amalan Kepimpinan Guru Sekolah Menengah Di Muadzam Shah, Pahang'. eISSN:2682-8464 (Vol. 3 No. 4 December 2021).

10. Faridah, J. et al. (2017). Kajian Keberkesanan Pembelajaran Interaktif Berasaskan Aplikasi kahoot: Satu kajian Tindakan Terhadap Kursus Principle Of Marketing'. *Online Journal for TVET Practitioners Vol. 4 No.1* (2017).
11. Hun, R. et al. (2020). Cambodian Teacher Educators' Attitude towards the Use of Information and Communication Technologies (ICT) in Education': *Journal of International Development and Cooperation*, 27(1), 1-15.